

03 SEP 2002

MAHATHIR-BON/I

KERAJAAN BELUM MERANCANG JUAL BON DI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan belum mempunyai rancangan buat masa ini untuk menerbitkan bon di luar negara kerana ia boleh mendapatkan dana dari dalam negara.

"Terdapat banyak wang (di dalam negara) di mana para pengurus dana mendapati sukar untuk dilaburkan.

"Contohnya, pada akhir tahun ini KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mempunyai RM210 bilion. Ia harus meletakkan wang ini di satu tempat. Dan jika kami mahu meminjam, adalah mudah bagi kami meminjam dari dalam negara daripada dari luar."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Cukai Nasional Kedua, di sini. Beliau ditanya samada kerajaan merancang untuk menjual bon memandangkan penarafan kredit Malaysia kini lebih baik.

Sambil mengakui bahawa ramai yang menggesa kerajaan meminjam wang dari luar, Dr Mahathir berkata kerajaan kadang-kala meminjam hanya untuk membuat tanda aras tentang tahap nilai kredit negara.

Mengenai Belanjawan 2003, Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan, juga telah ditanya samada kerajaan mempunyai rancangan untuk menaikkan cukai ke atas tembakau dan alkohol.

Beliau menjawab: "Kita masih mengkajinya. Masalah dengan menaikkan cukai (ke atas tembakau) adalah ia menyebabkan banyak penyeludupan, kecuali jika dapat memperbaiki keupayaan menghentikan aktiviti penyeludupan ini. Menaikkan cukai tidak akan benar-benar meningkatkan pendapatan negara," katanya.

Masih ada banyak masa untuk kerajaan memutuskan isu ini, tambahnya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga belum memutuskan samada hendak mengurangkan cukai korporat.

Ditanya samada akan ada kejutan dalam Belanjawan 2003, perdana menteri berkata: "Saya tidak fikir ada... tetapi kita harus mengubah strategi kita.

"Untuk merangsang ekonomi kita, kita sedang mengkaji berbagai cadangan mengenai bagaimana hendak mengadakan peralihan paradigma dari segi dasar, cukai dan peruntukkan dana."

Belanjawan 2003 dijadual akan di bentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Sept. ini. -- BERNAMA

WNZ ZP JR